

NO. SOALAN : 477

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

RUJUKAN : 9136

SOALAN:

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) Adakah pihak Kementerian telah menjalankan *Privacy Impact Assessments (PIA)* terhadap keselamatan dan privasi sistem pengumpulan data pendaftaran pekerja asing menggunakan data biometrik dikendalikan oleh MyEG ; dan
- (b) Jumlah kes data biometik digodam dari tahun 2013 hingga 2015.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan semua maklumat sensitif dan rahsia Kerajaan tidak disalahgunakan oleh syarikat atau mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam pelaksanaan sistem MyEG, kuasa mempertimbangkan dan meluluskan adalah di bawah kuasa dan tanggungjawab Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sepenuhnya. MyEG hanya bertindak sebagai perkhidmatan *frontline* untuk memudahkan urusan dengan orang awam. Namun demikian, pihak JIM tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan jumlah kes data biometrik yang digodam dari tahun 2013 hingga 2015.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
DARIPADA [LEMBAH PANTAI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) kadar pelajar literasi di sekolah rendah sekitar kawasan Lembah Pantai dari tahun 2008 hingga 2016 mengikut etnik, latar belakang ekonomi keluarga dan umur pelajar; dan
- (b) peratus kadar pelajar yang tamat persekolahan rendah dan menengah di Sabah dan Sarawak berbanding pelajar di Semenanjung.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Sekolah rendah sekitar kawasan Lembah Pantai adalah di bawah pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bangsar Pudu. Data bagi kadar literasi murid sekolah dalam kawasan PPD Bangsar Pudu yang diambil kira adalah berdasarkan kutipan data keputusan Saringan bagi Program LINUS2.0 dalam

Bahasa Melayu (LBM) pada Tahun 3 dari tahun 2013 hingga 2016. Berikut adalah peratus murid yang tidak menguasai BM berdasarkan saringan Program LINUS 2.0 Zon Bangsar Pudu, mengikut kaum:

Bil	Murid Tahun 3 (mengikut kaum)	2013 (Saringan 2)	2014 (Saringan 2)	2015 (Saringan 2)	2016 (Saringan 1)
1.	Melayu	0.73%	0.94%	0.85%	2.51%
2.	Cina	0.41%	0.66%	1.01%	1.42%
3.	India	0.34%	0.40%	0.52%	1.08%
4.	Bumiputera (bukan Melayu)	0.05%	0.02%	0.17%	0.15%
5.	Etnik & lain-lain	0.009%	0.11%	0.01%	0.10%
JUMLAH (%)		1.54%	2.13%	2.56%	5.26%

- b) Bagi tahun 2015, jumlah murid yang menamatkan pengajian di sekolah rendah sehingga ke Tahun 6 dan sekolah menengah sehingga Tingkatan 5:

Bil	Kawasan	Rendah	Menengah
1.	Semenanjung Malaysia	359,057	306,429
2.	Sabah	43,077	31,668
3.	Sarawak	41,615	32,160
4.	Labuan	1,240	879
JUMLAH		444,989	371,136